

06 OCT 2002

FORUM-MAHATHIR/I

KEBIMBANGAN PERANG SEBENAR TIDAK SESUAI BAGI PERNIAGAAN, KATA DR MAHATHIR

PUTRAJAYA, 6 Okt (Bernama) -- Kebimbangan sebenar terhadap peperangan tidak sesuai bagi berniaga dan akan hanya merencatkan pertumbuhan ekonomi sebenar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata di sini hari ini.

"Hari ini, dunia tidak kelihatan begitu aman. Kita mengalami untuk kali pertamanya keganasan pada tahap amat besar. Kita melihat reaksi kepada keganasan, yang, serba sedikit, mengujudkan suasana yang tidak sesuai untuk berniaga," katanya pada sesi soal jawab selepas menyampaikan ucap tamanya pada majlis makan malam sempena Sidang Kemuncak Asia Timur Forum Ekonomi Dunia.

Kemuncak tiga hari itu bermula hari ini.

Memandangkan suasana itu, Dr Mahathir berkata beliau tidak begitu yakin mengenai pemulihan ekonomi sebenar walaupun terdapat pemulihan di sana sini di bahagian-bahagian tertentu dunia.

Tidak seperti pertumbuhan ekonomi yang amat pesat yang boleh dilihat dalam tahun-tahun pasca perang 1960-an dan 1970-an, perdana menteri berkata beliau tidak dapat melihat perkara yang sama berlaku kini.

"Jadi saya fikir terdapat kebimbangan sebenar terhadap peperangan hari ini," tambahnya.

Ditanya mengenai ramuan Malaysia bagi mencapai kejayaan ekonomi, Dr Mahathir berkata bahawa pada asasnya ia dicapai kerana sikap pragmatis di Malaysia.

Malaysia, katanya, tidak menganut sebarang ideologi, malahan bukan kapitalisma atau komunisma.

Sebaliknya, kerajaan cuma melakukan apa yang ia fikir akan berjaya dan mengeluarkan hasil, katanya.

Sebagai contoh, katanya Malaysia telah menggunakan idea komunis mempunyai perancangan lima tahun dan 10 tahun untuk membangunkan ekonominya.

"Memang, Malaysia tidak cuma merancang tetapi juga melaksanakan perancangan itu," tegas Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAD FR SHY OS